



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

**KENYATAAN MEDIA**  
**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA**  
**MINGGU EPIDEMIOLOGI 40 (01 OKTOBER – 07 OKTOBER 2023)**

Pada Minggu Epidemiologi ke-40 tahun 2023, jumlah kes demam denggi yang dilaporkan adalah sebanyak 2,436 kes berbanding 2,299 kes pada minggu sebelumnya, iaitu peningkatan sebanyak 137 kes (5.9%). Terdapat dua (2) kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-40 tahun 2023.

Kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan sehingga Minggu Epidemiologi ke-40 adalah sebanyak 91,910 kes berbanding 45,018 kes bagi tempoh sama tahun 2022, iaitu peningkatan sebanyak 46,892 (104.2%). Manakala sejumlah 67 kematian akibat komplikasi demam denggi telah dilaporkan berbanding 28 kematian bagi tempoh yang sama pada tahun 2022.


Jumlah lokaliti hotspot yang dilaporkan pada minggu ini adalah 70 lokaliti, iaitu peningkatan 10 lokaliti berbanding 60 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya. Dari 70 lokaliti yang dilaporkan, 52 lokaliti di Selangor, sembilan (9) lokaliti di WPKL & Putrajaya dan masing-masing satu (1) lokaliti di Perlis, Pulau Pinang, Perak, Negeri Sembilan, Johor, Pahang, Kelantan, Sarawak dan Sabah.

Bagi surveilan chikungunya, tiada kes direkodkan pada Minggu Epidemiologi ke-40. Jumlah kumulatif kes chikungunya sehingga kini adalah 175 kes. Bagi

survelan zika, sebanyak 2,646 sampel darah dan 256 sampel urin telah dijalankan saringan zika dan hasil kesemuanya adalah negatif.

Pencemaran udara akibat jerebu menyebabkan beberapa kawasan mencatatkan kualiti udara yang tidak sihat sejak beberapa hari lalu. Keadaan ini, menjejaskan aktiviti kawalan denggi seperti semburan kabus dan pemeriksaan *Aedes* oleh petugas kesihatan. Justeru, masyarakat perlu memainkan peranan dalam memastikan tiada pembiakan nyamuk di dalam dan di luar premis bagi mengawal demam denggi. Lakukan aktiviti Cari dan Musnah tempat pembiakan nyamuk *Aedes* sekurang-kurangnya 10 minit sekali setiap minggu. Pastikan tiada air bertakung di tempat penapis air, alas pengering pinggan, bekas jambangan bunga, barangan tidak terpakai serta baldi / tong yang terdedah. Bubuh bahan pembunuh jentik-jentik di dalam kolah air serta menutup rapat tempat penyimpanan air. **Tiada *Aedes*, tiada denggi, chikungunya dan zika.**


**DATUK DR. MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN**  
Ketua Pengarah Kesihatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
**13 Oktober 2023**




Gambarajah 1: Perbandingan kes dan kematian demam denggi Minggu Epidemiologi ke-40 dan ke-39 tahun 2023



Gambarajah 2: Perbandingan kes dan kematian demam denggi sehingga Minggu Epidemiologi ke-40 tahun 2023 dan tempoh sama tahun 2022



**Gambarajah 3: Perbandingan tren kes mingguan demam denggi Malaysia tahun 2023 (sehingga Minggu Epidemiologi ke-40), 2022 dan median 2018-2022**



**Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot denggi Minggu Epidemiologi ke-40 tahun 2023**